

Semua Risiko (Peralatan Pejabat)

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



1300 888 990



customer@libertyinsurance.com.my



www.libertyinsurance.com.my

POLISI SEMUA RISIKO (PERALATAN PEJABAT)

Bahawasanya, Pihak Diinsuranskan melalui Cadangan dan Perakuan yang hendaklah menjadi asas kontrak ini dan disifatkan telah digabungkan dalam dokumen ini telah memohon kepada Penanggung Insurans bagi insurans yang selepas ini terkandung dalam dokumen ini dan telah membayar atau bersetuju membayar Premium sebagai balasan bagi insurans sedemikian.

MAKA DENGAN INI POLISI INI MENYAKSIKAN bahawa semasa Tempoh Insurans Harta atau mana-mana bahagian daripadanya telah hilang, musnah atau rosak disebabkan APA-APA KEMALANGAN ATAU KEGERUHAN Semasa dalam Situasi tersebut Penanggung Insurans akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan melalui opsyen, pembedaan penggantian atau pembayaran amaun yang hilang, rosak atau musnah.

DENGAN SYARAT BAHAWA Liabiliti Penanggung Insurans merujuk mana-mana item hendaklah tidak melebihi Jumlah yang Diinsuranskan bagi item sedemikian.

KEKECUALIAN

Penanggung Insurans hendaklah tidak libel bagi kehilangan kemusnahan atau kerosakan yang

1. disebabkan oleh atau berlaku kerana
 - a) vermin serangga kulapuk haus dan lusuh penyusutan nilai atau kemerosotan lain atau apa-apa proses pembaikan pemulihan atau pengubahsuaian.
 - b) rusuhan kekacauan awam letusan gunung berapi, kebakaran subterranean gempa bumi atau konvulsi semula jadi yang lain.
 - c) perampasan penahanan penasionalan tuntutan atau kemusnahan sengaja oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan perbandaran awam setempat atau kastam.
 - d) kekacauan mekanikal atau elektrik atau kecalaran atau pemecahan lensa atau kaca, melainkan disertai oleh kerosakan lain dengan Pihak Diinsuranskan berhak terhadap tanggung rugi di bawah Polisi ini.
2. secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau diakibatkan oleh atau terbit daripada
 - a) peperangan tindakan pencerobohan musuh asing keganasan (sama ada perang telah diisytiharkan atau tidak) perang saudara pemberontakan revolusi pemberontakan ketenteraan atau perampasan kuasa.
 - b) sinaran pengionan atau kontaminasi oleh radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau daripada apa-apa sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear tidak juga apa-apa kerugian berturutan dan bagi tujuan kekecualian ini pembakaran hendaklah melibatkan apa-apa proses mampu diri pembelahan nuklear.
 - c) bahan senjata nuklear.

SYARAT-SYARAT

1. Polisi ini dan Jadualnya hendaklah dibaca bersama-sama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau ungkapan dengan makna tertentu telah diberikan dalam mana-mana bahagian Polisi ini atau Jadualnya hendaklah membawa maksud tertentu yang serupa di mana sahaja ia muncul.
2. Pematuan dan penunaian sewajarnya Terma-Terma Polisi ini selagi ia berkaitan dengan apa-apa yang patut dilakukan atau tidak patut dilakukan oleh Pihak Diinsuranskan dan kebenaran pernyataan dan jawapan dalam cadangan hendaklah menjadi syarat yang mendahului mana-mana liabiliti Penanggung Insurans untuk membuat apa-apa pembayaran di bawah Polisi ini.
3. Setiap notis atau komunikasi yang hendak diberikan atau dibuat di bawah Polisi ini hendaklah diberikan secara bertulis di Ibu Pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan atau Agensi Penanggung Insurans.
4. Pihak Diinsuranskan hendaklah mengambil semua langkah beringat yang sewajarnya untuk keselamatan Harta.
5. Jika apa-apa kejadian menimbulkan atau kemungkinan menimbulkan suatu tuntutan di bawah Polisi ini sampai ke pengetahuannya Pihak Diinsuranskan hendaklah
 - a) memberikan notis bertulis kepada Penanggung Insurans secepat mungkin.
 - b) mengambil langkah serta-merta untuk mengurangkan kerosakan dan mendapatkan semula apa-apa Harta yang hilang.
 - c) memberikan notis serta-merta kepada pihak polis jika tuntutan disebabkan kehilangan atau kecurian.
6. Jika kehilangan kemusnahan atau kerosakan dilindungi oleh mana-mana insurans lain Penanggung Insurans hendaklah tidak membayar lebih daripada bahagian mereka yang boleh dikadarkan.
7. Pihak Diinsuranskan hendaklah memberikan semua bantuan yang sewajarnya kepada Penanggung Insurans dalam mengendalikan apa-apa tuntutan dan hendaklah memberikan kebenaran kepada Penanggung Insurans untuk melaksanakannya

POLISI SEMUA RISIKO (PERALATAN PEJABAT)

atas perbelanjaan mereka sendiri. Hendaklah mengambil semua langkah perlu, bagi menguatkuasakan apa-apa hak terhadap mana-mana pihak lain atas nama pihak diinsuranskan sebelum atau selepas memenuhi tuntutan Pihak Diinsuranskan.

8. Apabila suatu Jumlah Diinsuranskan diisytiharkan sebagai Tertakluk pada Purata jika harta dilindungi dengan itu hendaklah pada masa berlakunya apa-apa kehilangan kemusnahan atau kerosakan dengan nilai kolektif yang lebih besar daripada Jumlah Diinsuranskan maka Pihak Diinsuranskan hendaklah dianggap sebagai menjadi Penanggung Insuransnya sendiri bagi perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung bahagian yang boleh dikadarkan akan kehilangan kemusnahan atau kerosakan sebagaimana sepatutnya.
9. Polisi ini boleh dibatalkan oleh Penanggung Insurans dengan menghantar notis selama tujuh hari melalui surat berdaftar ke alamat terakhir Pihak Diinsuranskan yang diketahui.
10. Semua perbezaan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah merujuk keputusan seorang Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak dalam pertikaian atau jika mereka tidak boleh bersetuju akan seorang Penimbang Tara dengan keputusan dua Penimbang Tara yang setiap seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa satu bulan kalendar selepas dikehendaki berbuat demikian secara bertulis oleh setiap pihak atau sekiranya Penimbang Tara tidak bersetuju seorang Wasit dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara-Penimbang Tara sebelum memasuki perujukan. Wasit hendaklah bersidang dengan Penimbang Tara- Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat mereka dan pembuatan suatu Award hendaklah menjadi syarat yang mendahului apa-apa hak bertindak terhadap Penanggung Insurans. Kos bagi dan berhubung dengan penimbangtaraan hendaklah atas budi bicara Penimbang Tara-Penimbang Tara atau Wasit. Jika Penanggung Insurans hendak menolak liabiliti terhadap Pihak Diinsuranskan bagi apa-apa tuntutan di bawah Polisi ini dan tuntutan sedemikian hendaklah tidak dalam masa dua belas bulan kalendar dari tarikh penolakan tuntutan sedemikian telah dirujuk kepada penimbangtaraan di bawah peruntukan yang terkandung dalam Polisi ini maka tuntutan tersebut hendaklah bagi semua tujuan disifatkan telah ditinggalkan hendaklah tidak selepas itu boleh diperolehi semula di bawah Polisi ini.
11. Ejen bagi Penanggung Insurans hendaklah dalam apa jua keadaan dijadikan bertanggungjawab secara peribadi terhadap apa-apa penyiasatan undang-undang atau yang lain yang mungkin mereka dapati perlu untuk memuaskan hati Penanggung Insurans tidak juga boleh harta persendirian mereka disertakan terhadap apa-apa tuntutan oleh Pihak Diinsuranskan. Jika Pihak Diinsuranskan hendak memulakan prosiding sedemikian terhadap Ejen tersebut maka dengan ini diisytiharkan dan dinyatakan bahawa Pihak Diinsuranskan hendaklah dengan ini melucut hak semua tuntutan ke atas Penanggung Insurans di bawah Polisi ini dan selanjutnya hendaklah bertanggungjawab bagi semua perbelanjaan yang akan terakru berikutan prosiding sedemikian.

Nota: Untuk perlindungan anda sendiri sila baca Polisi ini dan Syarat-Syaratnya dan jika Polisi tidak dipenuhi dengan betul atau menurut niat anda kembalikan Polisi yang sama ke pejabat untuk dibetulkan.

POLISI SEMUA RISIKO (PERALATAN PEJABAT)

ENDORSMEN/FASAL/WARANTI

(Tidak dimasukkan dalam Polisi melainkan dinyatakan dalam Jadual)

RUSUHAN DAN KEKACAUAN AWAM

Maka dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa perkataan 'rusuhan kekacauan awam' dalam Kekecualian (1) (b) Polisi ini disifatkan telah dipotong.

FASAL LEBIHAN

Merujuk setiap dan semua tuntutan pihak diinsuranskan akan bertanggungjawab bagi amaun pertama sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual terhadap Endorsmen ini.

TAMBAHAN AUTOMATIK DAN PEMOTONGAN

Insurans ini secara automatik diperluas untuk memasukkan atau memotong semua peralatan pejabat yang menjadi milik Pihak Diinsuranskan sendiri atau yang baginya Pihak Diinsuranskan sendiri atau yang baginya Pihak Diinsuranskan menerima tanggungjawab, dan apa-apa item serupa yang secara tidak sengaja dikeluarkan daripada Jadual, sehinggakan ke tahap harga pembelian termasuk apa-apa penambahbaikan, tertakluk pada suatu jumlah yang tidak melebihi 10% Jumlah Diinsuranskan.

Dengan syarat bahawa setiap tambahan hendaklah dimaklumkan oleh Pihak Diinsuranskan dalam masa 60 hari bagi setiap tambahan dan premium tambahan yang sewajarnya dibayar. Pemotongan item dikendalikan dalam cara yang serupa.

MENGEMBALIKAN SEMULA KERUGIAN

Sebagai balasan bagi Pihak Diinsuranskan mengaku janji untuk membayar premium tambahan pada kadar yang dipersetujui ke atas amaun kerugian yang dikira berasaskan pro-rata dari tarikh kerugian sedemikian ke tempoh peluputan insurans terkini, adalah dipersetujui bahawa sekiranya berlaku kerugian Insurans di bawah polisi ini hendaklah kekal berkuat kuasa bagi jumlah penuh yang diinsuranskan.

FASAL PENYINGKIRAN SEMENTARA PEMINDAHAN SEMENTARA

Harta yang diinsuranskan di bawah Polisi ini dilindungi (terhad kepada 10% jumlah yang diinsuranskan) semasa dipindahkan secara sementara untuk dibersihkan, dibaiki, diubah suai, dibetulkan atau untuk tujuan serupa yang lain, di tempat lain atau pada premis yang sama atau mana-mana premis lain.

Jumlah yang diperoleh semula di bawah peluasan ini berkaitan harta tersebut yang dipindahkan hendaklah tidak melebihi amaun yang akan dapat diperoleh semula sekiranya kehilangan berlaku di bahagian premis tersebut yang darinya harta dipindahkan secara sementara.

Peluasan ini tidak boleh dipakai bagi harta jika dan selagi ia sebaliknya diinsuranskan, tidak juga bagi harta yang dipegang oleh Pihak Diinsuranskan dalam amanah, tidak juga ia boleh diterima pakai bagi item yang meliputi stok dan barang niaga daripada semua perihalan.

FASAL NILAI PASARAN

Maka dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku kehilangan harta yang diinsuranskan di bawah dokumen ini, had tanggung rugi Syarikat hendaklah merupakan nilai diinsuranskan atau nilai pasaran harta yang diinsuranskan, yang mana yang lebih rendah, tertakluk pada penolakan apa-apa lebihan dan jumlah yang perlu ditanggung oleh pihak diinsuranskan di bawah polisi ini.

Untuk tujuan fasal ini, perkataan nilai pasaran hendaklah bermaksud harta yang diinsuranskan dalam dokumen ini pada masa kerosakan atau kehilangan ditolak nilai bagi haus dan lusuh dan/atau penyusutan nilai yang sewajarnya.

Nilai pasaran harta yang diinsuranskan hendaklah bagi tujuan fasal ini ditentukan melalui penilaian yang diperoleh oleh Syarikat daripada pembuat, ejen tunggal atau ejen yang diberikan kuasa, broker yang diberikan kuasa, pengedar yang diberikan kuasa atau kontraktor bangunan bagi kos penggantian semula atau pengembalian semula, tertakluk pada permohonan penyusutan nilai yang sewajarnya, akan harta yang diinsuranskan yang rosak atau hilang sebagaimana keadaannya pada masa berlakunya kerosakan atau kehilangan sedemikian. Sekiranya berlaku kejadian tersebut, pada masa kerosakan atau kehilangan tiada pembuat, ejen atau ejen tunggal yang diberikan kuasa, broker yang diberikan kuasa, pengedar atau kontraktor bangunan yang diberikan kuasa, bagi harta yang diinsuranskan, penilaian hendaklah diperoleh daripada Pelaras Kerugian berlesen di bawah Akta Insurans, 1963 atau Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai dan Juru Nilai, 1981 dan dilantik atas persetujuan bersama oleh kedua-dua pihak. Penilaian harta yang diinsuranskan oleh pembuat, ejen atau ejen tunggal yang diberikan kuasa, broker yang diberikan kuasa, pengedar yang diberikan kuasa, kontraktor bangunan, Pelaras Kerugian berlesen di bawah Akta Insurans, 1963 atau Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai dan Juru Nilai, 1981 hendaklah menjadi bukti muktamad berkaitan nilai pasaran harta yang diinsuranskan dalam apa-apa prosiding undang-undang terhadap Syarikat.

Tertakluk sebaliknya pada terma, syarat dan kekecualian polisi ini.

ENDORSMEN/FASAL/WARANTI

(Tidak dimasukkan dalam Polisi melainkan dinyatakan dalam Jadual).

POLISI SEMUA RISIKO (PERALATAN PEJABAT)

FASAL PENYINGKIRAN SEMENTARA

Maka dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa tertakluk pada terma dan syarat Polisi ini harta (tidak termasuk bangunan) yang diinsuranskan di bawah Polisi ini dilindungi semasa disimpan secara sementara di mana-mana di Malaysia dan Singapura DENGAN SYARAT bahawa:-

- tempoh penyimpanan sementara hendaklah tidak melebihi enam puluh (60) hari.
- liabiliti Syarikat terhadap kepada 10% jumlah total yang diinsuranskan atau RM500,000.00 yang mana yang lebih rendah bagi harta yang dilindungi di bawah fasal ini.
- Syarikat hendaklah tidak libel bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan terhadap harta semasa dalam transit (termasuk proses pemuatan dan pemunggahan tak sengaja bagi transit sedemikian).
- insurans ini tidak boleh diterima pakai bagi harta selagi ia sebaliknya diinsuranskan tidak juga ia boleh diterima pakai bagi kenderaan bermotor dan casis motor.

Tertakluk sebaliknya kepada terma syarat dan kekecualian Polisi.

PENENTUAN

Untuk tujuan menentukan apabila perlu kepala yang di bawahnya apa-apa harta hendak diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan bersetuju menerima penentuan yang di bawahnya harta sedemikian telah dimasukkan ke dalam buku Pihak Diinsuranskan.

PENILAIAN

Jika tuntutan agregat bagi apa-apa kehilangan tidak melebihi RM5000.00 atau 5% jumlah yang diinsuranskan, yang mana amaun yang kurang mengikut item atau item-item yang berkenaan tiada inventori atau penilaian khas bagi harta yang tidak rosak diperlukan.

PEMBERITAHUAN AKAN KEHILANGAN

Tanpa mengambil kira apa-apa yang terkandung dalam Polisi ini yang bertentangan adalah dipersetujui bahawa insurans ini tidak akan dimudaratkan oleh apa-apa kelengahan ralat atau peninggalan yang tak disengajakan dalam memberitahu kepada Syarikat akan apa-apa keadaan atau kejadian yang membangkitkan atau kemungkinan membangkitkan suatu tuntutan di bawah Polisi ini.

FASAL KECURIAN MELALUI PERDAYAAN (PENIPUAN)

Syarikat tidak seharusnya libel bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh atau berbangkit daripada tindakan penipuan oleh mana-mana orang dalam maksud takrifan kesalahan penipuan yang disebut dalam Kanun Jenayah.

Penipuan sebagaimana ditakrifkan dalam Kanun Jenayah adalah seperti yang berikut:-

“Sesiapa jua, dengan memperdayakan mana-mana orang melalui fraud atau secara tak jujur menyebabkan orang tersebut diperdaya untuk memberikan apa-apa harta atau secara berniat mendorong orang diperdayakan tersebut untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa yang tidak mahu dilakukannya atau enggan melakukannya, dan tindakan atau peninggalan sedemikian menyebabkan atau kemungkinan menyebabkan kerosakan atau bahaya kepada orang tersebut pada tubuh, minda, reputasi atau harta, dikatakan ‘menipu’. Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan kekecualian Polisi.

FASAL JENAYAH KEMUNGKIRAN AMANAH

Syarikat tidak seharusnya libel bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan yang disebabkan atau berbangkit daripada tindakan penipuan oleh mana-mana orang dalam maksud takrifan kesalahan Jenayah Kemungkiran Amanah yang disebut dalam Kanun Jenayah.

Jenayah Kemungkiran Amanah sebagaimana ditakrifkan dalam Kanun Jenayah adalah seperti yang berikut:

“Sesiapa jua, dalam apa-apa cara diamanahkan dengan harta atau dengan apa-apa kuasa ke atas harta, secara tidak jujur melesapkan atau menukar untuk kegunaannya sendiri harta tersebut, atau secara tidak jujur menggunakan atau melupuskan harta tersebut sebagai pelanggaran apa-apa arahan undang-undang yang menyarankan cara bagaimana amanah sedemikian boleh dilepaskan, atau tentang apa-apa kontrak undang-undang, yang nyata atau tersirat, yang telah dibuatnya berkenaan pelepasan amanah sedemikian, atau dengan sengaja membuatkan mana-mana orang lain untuk melakukannya, melakukan jenayah kemungkiran amanah.”

Tertakluk sebaliknya pada terma syarat dan kekecualian Polisi ini.

PEMBAYARAN PADA AKAUN

Sekiranya berlakunya kerugian di bawah insurans ini, Penanggung Insurans akan membuat pembayaran pada akaun berkenaan kerugian sedemikian kepada Pihak Diinsuranskan sekiranya dikehendaki.

Tertakluk sebaliknya pada terma, syarat dan kekecualian Polisi ini.

TAMBAHAN KAPITAL

Maka dengan ini insurans ini diperluas untuk melindungi perubahan, tambahan dan pembaikan (tetapi bukan peningkatan nilai lebihan bagi jumlah yang diinsuranskan) kepada harta yang dinyatakan dalam Polisi ini bagi amaun yang tidak melebihi 10% jumlah yang diinsuranskan atau RM100,000.00 yang mana yang lebih rendah sebagaimana yang difahami bahawa Pihak Diinsuranskan mengakui janji untuk memberitahu kepada Syarikat setiap suku tahun akan perubahan, penambahan dan pembaikan sedemikian dan untuk membayar premium tambahan yang sewajarnya.

Tertakluk sebaliknya pada terma syarat dan kekecualian Polisi ini.

POLISI SEMUA RISIKO (PERALATAN PEJABAT)

MUATAN KENDERAAN

Sekiranya berlaku apa-apa kejadian apabila kenderaan Pihak Diinsuranskan dimuatkan pada waktu malam semasa di dalam atau di premis yang disebut dalam spesifikasi Polisi ini Syarikat akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan berkaitan dengan pemunggaran sedemikian sekiranya berlaku Kehilangan atau kerosakan disebabkan apa-apa peril yang diinsuranskan terhadapnya oleh Polisi ini.

PEMINDAHAN DALAMAN

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku pemindahan harta dari satu bangunan ke bangunan yang lain dalam mana-mana keadaan yang disebut sebelum ini, yang secara tidak sengaja tidak diberitahu kepada Syarikat Insurans ke atas harta sedemikian hendaklah mengikut pemindahan, pelarasan yang perlu dalam jumlah yang diinsuranskan dan premium yang dibuat dari tarikh pemindahan sebaik sahaja kealpaan ini diketahui.

Tertakluk sebaliknya pada terma syarat dan kekecualian Polisi ini.

SEWA BELI

Adalah dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa Syarikat yang dinyatakan dalam Jadual terhadap endorsmen ini (selepas ini dirujuk sebagai Pemilik) merupakan pemilik harta yang diinsuranskan dan bahawa harta yang diinsuranskan itu tertakluk pada Perjanjian Sewa Beli yang dibuat antara Pemilik di satu pihak dengan Pihak Diinsuranskan di pihak yang satu lagi. Selanjutnya adalah difahami dan dipersetujui bahawa apa-apa pembayaran yang dibuat berkaitan kehilangan atau kerosakan (dengan kehilangan atau kerosakan tidak diperbetul melalui pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) di bawah Polisi ini hendaklah dibuat kepada Pemilik selagi mereka adalah pemilik harta yang diinsuranskan dan penerimaannya hendaklah merupakan pelepasan sepenuhnya dan muktamad kepada Syarikat berkaitan kerugian atau kerosakan sedemikian. Adalah juga difahami dan dipersetujui bahawa tanpa mengambil kira apa-apa peruntukan dalam Perjanjian Sewa Beli yang bertentangan Polisi ini dikeluarkan kepada Pihak Diinsuranskan sebagai pihak Prinsipal dan bukan sebagai ejen atau penerima amanah Pemilik dan tidak ada apa-apa yang terkandung dalam Polisi ini yang hendaklah disifatkan sebagai menjadikan Pihak Diinsuranskan suatu ejen atau penerima amanah bagi Pemilik atau sebagai suatu perkiraan (sama ada sah di sisi undang-undang atau boleh dikuatkuasakan) oleh Pihak Diinsuranskan kepada Pemilik haknya faedah dan tuntutan di bawah Polisi ini. Akhirnya adalah difahami dan dipersetujui bahawa Pihak Diinsuranskan hendaklah tidak menyerah hak faedah dan tuntutannya di bawah Polisi ini tanpa kebenaran terlebih dahulu secara bertulis daripada Syarikat.

ENDORSMEN PEMAJAKAN

Adalah dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa Syarikat yang dinyatakan dalam Jadual terhadap Endorsmen ini (selepas ini dirujuk sebagai pemberi pajak) adalah pemilik Harta yang diinsuranskan oleh Polisi ini bagi item seperti yang dinyatakan dalam Jadual ini dan bahawa harta sedemikian adalah tertakluk pada Perjanjian Pemajakan yang dibuat antara Pemberi Pajak di satu pihak dan Pihak Diinsuranskan di pihak yang satu lagi. Adalah selanjutnya difahami dan dipersetujui bahawa apa-apa pembayaran yang dibuat berkaitan kehilangan atau kerosakan ini (dengan kehilangan atau kerosakan tidak boleh dibetulkan melalui pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) di bawah terma Polisi ini hendaklah dibuat kepada Pemberi Pajak selagi mereka masih pemilik Harta dan penerimaan mereka hendaklah merupakan pelepasan sepenuhnya dan muktamad kepada Penanggung Insurans berkaitan kehilangan atau kerosakan sedemikian. Adalah difahami dan dipersetujui bahawa tanpa mengambil kira apa-apa peruntukan dalam Perjanjian Pemajakan ini yang bertentangan Polisi ini dikeluarkan kepada Pihak Diinsuranskan sebagai pihak prinsipal dan bukan sebagai ejen atau Pemegang Amanah bagi Pemberi Pajak dan tidak ada apa-apa yang terkandung dalam Polisi ini hendaklah disifatkan sebagai menjadikan Pihak Diinsuranskan, dan ejen atau pemegang amanah bagi Pemberi Pajak atau sebagai suatu perkiraan (sama ada sah di sisi undang-undang atau boleh dikuatkuasakan) oleh pihak yang diinsuranskan kepada Pemberi Pajak akan hak faedah dan tuntutannya di bawah Polisi ini, tidak ada apa-apa yang terkandung dalam Polisi ini hendaklah disifatkan sebagai mencipta apa-apa hak bagi Pemberi Pajak untuk menyaman Penanggung Insurans dalam apa-apa kapasiti apa jua bagi apa-apa kemungkiran akan obligasinya yang terdapat dalam dokumen ini.

WARANTI PREMIUM

Adalah menjadi syarat khas yang asas dan mutlak akan kontrak insurans ini bahawa premium yang kena dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Penanggung Insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh bermulanya polisi/endorsmen/sijil pembaharuan ini.

Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini secara automatik terbatal dan Penanggung Insurans hendaklah berhak kepada premium pro-rata bagi tempoh mereka berada dalam risiko.

Apabila premium yang kena dibayar menurut waranti ini diterima oleh ejen yang diberikan kuasa oleh Penanggung Insurans untuk tujuan waranti ini dan janji bukti bahawa premium yang kena dibayar diterima oleh satu orang, termasuk seorang ejen insurans yang tidak diberikan kuasa untuk menerima premium sedemikian hendaklah terletak pada Penanggung Insurans.

POLISI SEMUA RISIKO (PERALATAN PEJABAT)



NOTIS PENTING

1. Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak memenuhi kehendak Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan hendaklah memaklumkan kepada Pihak Syarikat dan mengembackkan Polisi untuk membuat pembetulan sewajarnya.
2. Pihak Diinsuranskan yang tidak berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Pihak Syarikat boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) atau melayari Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:

a) Unit Pengurusan Aduan

Liberty General Insurance Berhad

Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Hubungan Pelanggan

Liberty Insurance Tower,

CT9, Pavilion Damansara Heights,

3, Jalan Damanlela,

Pusat Bandar Damansara,

50490 Kuala Lumpur.

Tel. No.: +603 2268 3333 (Talian Am) atau

Maklumat hubungan untuk kesemua jenama kami boleh didapati di bawah:

Saluran Hubungan Liberty Insurance

Talian Khas Liberty Insurance: 1300 888 990

E-mel: customer@libertyinsurance.com.my

Laman Web: www.libertyinsurance.com.my

Saluran Hubungan Kurnia Insurans

Talian Khas Kurnia Insurans: 1 800 88 3833

E-mel: customer@kurnia.com

Laman Web: www.kurnia.com

Saluran Hubungan AmAssurance

Talian Khas AmAssurance: 1 800 88 6333

E-mel: customer@amassurance.com.my

Laman Web: www.amassurance.com.my

b) Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)

(dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)

No. Syarikat: 200401025885

Talian Am: +603 2272 2811

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur

Laman Web: www.fmos.org.my

POLISI SEMUA RISIKO (PERALATAN PEJABAT)

c) **BNMLINK**

Bank Negara Malaysia

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

e-Pautan: bnm.gov.my/BNMLINK

Laman Web: www.bnm.gov.my

3. Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).